

Kumpul sampah dekat sungai, rumah

Tindakan pihak tertentu himpun bahan buangan di Kampung Bukit Badak bimbangkan penduduk

KLANG: Tindakan pihak tertentu mengumpul timbunan sampah hanya beberapa meter dari tebing Sungai Klang di Kampung Bukit Badak, di sini, menimbulkan tanda tanya, terutama di kalangan kaki pancing dan penduduk.

Mereka mendakwa, selain bertentangan dengan usaha kerajaan negeri mahu mewujudkan persekitaran sungai bersih, perbuatan itu boleh memudaratkan kesihatan penduduk setempat.

Tindakan pihak terbabit juga dipertikaikan kerana tiada papan tanda dipasang bagi mengesahkan perniagaan sah di sisi undang-undang.

Pemancing yang terkejut dengan kegiatan itu, Akmal Ramli, 35, mendakwa tindakan menghimpunkan sampah, selain kehadiran beberapa tong mengangkut sampah membuktikan wujud operasi pengumpulan di kawasan itu sehingga menimbulkan pelbagai tanda tanya.

Katanya, sekali pandang kawasan berkenaan seperti tempat pengumpulan barangan lusuh, tetapi tidak jauh dari situ kelihatan beberapa jentera dan lori mengangkut tanah keluar masuk, menimbun kawasan tertentu tanpa diketahui tujuannya.

"Ketika saya merapatkan perahu ke tepi tebing selepas hujan lebat, saya melihat longgokan sampah terlalu banyak, manakala beberapa lori kelihatan keluar masuk menimbun kawasan cetek. Apa yang menjadi tanda tanya ialah tiada papan tanda memaklumkan sebarang projek di kawasan itu.

"Kali kedua melihat kawasan berkenaan, saya dapati gelanggang badminton di situ semakin rosak akibat dilalui lori berat mengangkut sampah.

"Pihak berkuasa perlu menyiasat kegiatan ini bagi menjelaskan kea-



SAMPAH dilonggok hanya beberapa meter dari Sungai Klang di Kampung Bukit Badak, Klang.

daan sebenar. Penduduk pula ketika ditanya enggan mengulas seolah-olah tidak mahu campur tangan," katanya.

Rakannya, Zaharudin Daud, 41, pula berpendapat pihak terbabit dengan kegiatan pengumpulan sampah sepatutnya memasang papan tanda yang jelas bagi mengelak kekeliruan.

"Penduduk setempat berhak tahu sebarang kegiatan terutama jika ia dilakukan berhampiran sungai dan kediaman awam. Ini kerana rakyat kini semakin prihatin mengenai kebersihan persekitaran mereka.

"Tambah pula, isu sampah yang kritikal di Selangor perlu ditangani secara bijaksana. Masyarakat setempat tidak mahu kawasan mereka tiba-tiba dilanda banjir kilat berpunca daripada perancangan tidak teliti," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Ab Qaha Osman, ketika dihubungi berkata pihaknya akan menyemak kedudukan sebenar pemilikan tanah berkenaan sebelum menjawab kecurigaan orang awam.

Katanya, siasatan mengenai perkara itu dijangka selesai minggu depan selepas pihaknya mendapatkan pandangan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD).

Beliau berkata, pihaknya juga perlu bertindak adil kepada semua pihak dalam menentukan pemilikan tanah atau sebarang kegiatan membabitkan tanah yang mungkin rizab milik JPS.

"Siasatan teliti perlu dilakukan terutama berkaitan pemilikan tanah supaya semua pihak berpuas hati. Ini kerana, sebelum ini ada kes tanah yang letaknya dalam sungai di negeri ini sudah dimiliki pihak tertentu," katanya.

●HAMID KARIM | BERITA HARIAN



Siasatan teliti perlu dilakukan terutama berkaitan pemilikan tanah supaya semua pihak berpuas hati. Sebelum ini ada kes tanah yang letaknya dalam sungai di negeri ini sudah dimiliki pihak tertentu

Ab Qaha Osman

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran negeri